

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS MALAM GEMA SENANDUNG WANITA  
Lokasi : HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 12-01-1991

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia; Yang Berhormat Menteri-Menteri; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sebagai Penaung MSKWP, saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Malam Gema Senandung Wanita ini dengan mengucapkan berbilang-bilang syukur ke hadrat Ilahi dan terima kasih kepada para hadirin atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua. Sebagai kemuncak kepada aktiviti-aktiviti sukan MSKWP, sudah tentu pihak penganjur mahukan usaha mereka menganjurkan sukan selama dua hari itu diakhiri dengan upacara yang gilang gemilang.

2. Sebagai usaha yang ulung bagi MSKWP mengadakan Malam Gema Senandung Wanita perasaan risau menyelubungi hati penganjur - bimbang sama ada ianya mendapat sambutan ataupun tidak daripada pihak suami di peringkat atasan. Tetapi me- mandangkan kehadiran tuan-tuan yang begitu menggalakkan pada malam ini perasaan risau itu hilang begitu sahaja.

Tak'kanlah usaha isteri-isteri untuk menyatu-padukan pertubuhan-pertubuhan wanita dan menjalinkan kemesraan dan persahabatan seperti yang dilau-laungkan oleh para pemimpin tidak diberi sambutan oleh suami-suami dan semua pihak yang inginkan perpaduan. Oleh itu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada para hadirin khasnya kepada dif-dif kehormat atas sokongan penuh kepada usaha MSKWP ini.

3. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemenang- pemenang dalam acara sukaneka dan juara pertandingan badminton yang dipertandingkan dengan begitu hebat sekali.

Mungkin Persatuan Badminton Malaysia (BAM) elok memberi perhatian juga kepada kumpulan-kumpulan badminton wanita ini untuk mengembalikan kegemilangan pasukan Piala Uber kita.

Umur dan berat badan seharusnya tidak perlu diambil kira sekiranya kita inginkan pemain-pemain yang boleh meningkatkan imej negara. MSKWP memang tidak kurang dengan bakal-bakal peserta olahraga dan badminton di negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Malam ini, MSKWP beralih pula kepada acara yang lebih lemah gemalai untuk membuktikan bahawa otot-otot dan sendi- sendi yang tegang dan sakit selama dua hari bersukan boleh dilentor menjadi lembut semula. Saya percaya para hadirin akan terhibur dengan bakat isteri-isteri dan wanita- wanita dalam pertubuhan-pertubuhan kerajaan ini.

5. Sebagai Penaung PUSPANITA Kebangsaan dan juga MSKWP, saya berasa bangga kerana matlamat untuk menggembungkan tenaga wanita telah mencapai kejayaan. Ini disebabkan persefahaman dan kemesraan yang terjalin antara kelima-lima pertubuhan wanita yang menyertai MSKWP ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PUSPANITA, PERKEP, PETRONITA, PELITAWANIS dan BAKAT atas kejayaannya menganjurkan majlis sukan yang murni ini dan diharap perasaan muhibah dan perpaduan ini akan berterusan dalam sukan, seni dan dalam apa juga projek bersama kelak.

6. Kepada pengerusi MSKWP, YBhg Puan Seri Sagiyah Salikin dan ahli-ahli jawatankuasa induknya, saya mengucapkan tahniah dan berbilang terima kasih atas kerja kuat yang dijalankan daripada beberapa bulan yang lalu hinggalah malam kemuncak pada malam ini. Saya rasa sebelum malam kemuncak ini berlangsung, makan pun tidak lalu, mandi tidak basah dan tidur pun tidak lena, tetapi

selepas acara kemuncak malam ini, makanlah puas-puas, berendamlah dalam kolam dan tidurlah selena-lenanya dalam mimpi-mimpi yang indah.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

7. Akhir kata saya mengucapkan terima kasih atas jemputan kepada saya suami isteri menghadiri Majlis Malam Gema Senandung Wanita ini dan memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.